

PENSIJILAN BERKAITAN AKAUN KORESPONDEN BAGI BANK ASING

[NOMBOR KAWALAN OMB 1506-0043]

Maklumat yang terkandung di dalam Pensijilan ini diminta menurut Seksyen 5318 (j) dan 5318 (k) Tajuk 31 Kod Amerika Syarikat, sebagaimana ditambah oleh seksyen 313 dan 319 (b) Akta PATRIOT USA 2001 (Undang-undang Awam 107-56).

Pensijilan ini hendaklah dilengkapkan oleh mana-mana **bank asing** yang mengekalkan **akaun koresponden** dengan mana-mana bank Amerika Syarikat atau broker-peniaga sekuriti (sebuah **institusi kewangan yang dilindungi** sebagaimana yang ditakrifkan dalam 31 CFR 1010,605 (e)). Entiti yang bukan sebuah bank asing tidak perlu melengkapkan Pensijilan ini.

Sebuah **bank asing** adalah bank yang disusun di bawah undang-undang asing dan terletak di luar Amerika Syarikat (lihat takrif 31 CFR 1010.100 (u)). Sebuah **bank** termasuklah pejabat, cawangan dan agensi bank perdagangan atau syarikat amanah, bank swasta, bank nasional, institusi berjimat cermat, kesatuan kredit, dan organisasi lain yang diluluskan di bawah undang-undang perbankan dan diselia oleh penyelia perbankan mana-mana negeri (lihat definisi 31 CFR 1010.100 (d)).¹

Akaun koresponden bank asing adalah mana-mana akaun untuk menerima deposit, membuat bayaran atau perbelanjaan lain bagi pihak bank asing, atau mengendalikan transaksi kewangan lain yang berkaitan dengan bank asing.

Arahan khas untuk cawangan asing bank-bank A.S.: Cawangan atau pejabat bank A.S. di luar Amerika Syarikat adalah sebuah bank asing. Cawangan atau pejabat tersebut tidak perlu melengkapkan Pensijilan ini berhubung Akaun Koresponden dengan cawangan dan pejabat A.S. bagi bank A.S. yang sama.

Arahan khas untuk meliputi beberapa buah cawangan pada satu Pensijilan: Bank asing boleh melengkapkan satu Pensijilan untuk cawangan dan pejabatnya di luar Amerika Syarikat. Pensijilan perlu menyenaraikan semua cawangan dan pejabat yang dilindungi dan hendaklah termasuk maklumat yang diperlukan dalam Bahagian C bagi **setiap** cawangan atau pejabat yang mempunyai Akaun Koresponden dengan Institusi Kewangan yang Dilindungi. Gunakan helaian lampiran jika perlu.

A. Institusi kewangan bertandatangan di bawah, Hong Leong Bank Berhad (“**Bank Asing**”) dengan ini mengesahkan seperti berikut:

¹“Bank Asing” tidak termasuk mana-mana bank pusat atau pihak berkuasa kewangan asing yang berfungsi sebagai bank pusat, atau mana-mana institusi kewangan antarabangsa atau bank pembangunan serantau yang dibentuk oleh persetujuan atau perjanjian antarabangsa.

B. Akaun Koresponden Yang Dilindungi oleh Pensijilan ini: Tandakan **satu** kotak.

- Pensijilan ini terpakai untuk **semua** akaun yang diwujudkan untuk Bank Asing oleh Institusi Kewangan yang Dilindungi.
- Pensijilan ini terpakai untuk Akaun Koresponden yang diwujudkan oleh _____ (nama Institusi Kewangan yang Dilindungi) untuk Bank Asing.

C. Kehadiran Fizikal/Status Sekutu Kawal Selia: Tandakan **satu** kotak dan lengkapkan ruang kosong.

- Bank Asing mengekalkan **kehadiran fizikal** di mana-mana negara. Ini bermaksud:
- Bank Asing yang mempunyai tempat perniagaan di alamat berikut: Level 3, Wisma Hong Leong, 18 Jalan Perak, 5045 Kuala Lumpur, Malaysia, di mana Bank Asing mengambil seorang atau lebih individu bekerja secara sepenuh masa dan mengekalkan rekod operasi berhubung aktiviti perbankannya.
 - Alamat di atas terletak di _____ (masukkan negara), di mana Bank Asing mendapat kebenaran menjalankan aktiviti perbankan.
 - Bank Asing tertakluk pada pemeriksaan oleh _____, (masukkan Pihak Berkuasa Perbankan), pihak berkuasa perbankan yang memberi lesen kepada Bank Asing untuk menjalankan aktiviti perbankan.
- Bank Asing tidak mempunyai kehadiran fizikal di mana-mana negara, tetapi Bank Asing adalah **sekutu yang dikawal selia**. Ini bermaksud:
- Bank Asing adalah sekutu institusi depositori, kesatuan kredit, atau bank asing yang mempunyai kehadiran fizikal di alamat berikut: _____, di mana ia mengambil seorang atau lebih individu bekerja secara sepenuh masa dan mengekalkan rekod operasi berhubung aktiviti perbankannya.
 - Alamat di atas terletak di _____ (masukkan negara), di mana institusi depositori, kesatuan kredit, atau bank asing mendapat kebenaran menjalankan aktiviti perbankan.
 - Bank Asing tertakluk pada pengawasan oleh _____, (masukkan Pihak Berkuasa Perbankan), pihak berkuasa perbankan yang sama yang mengawal selia institusi depositori, kesatuan kredit, atau bank asing.
- Bank Asing **tidak** mempunyai kehadiran fizikal di sebuah negara dan **bukan** sekutu yang dikawal selia.

D. Penggunaan Akaun Koresponden Secara Tidak langsung: Tandakan kotak untuk mengesahkan.

- Akaun Koresponden yang dimiliki oleh Institusi Kewangan yang Dilindungi tidak boleh digunakan untuk memberi perkhidmatan perbankan secara tidak langsung kepada sesetengah bank asing. Bank asing dengan ini memperakui bahawa ia **tidak** menggunakan mana-mana Akaun Koresponden dengan Institusi Kewangan yang Dilindungi untuk menyediakan perkhidmatan perbankan secara tidak langsung kepada mana-mana bank asing yang tidak mempunyai kehadiran fizikal di mana-mana negara dan bukan sekutu yang dikawal selia.

E. Maklumat Pemilikan: Tandakan kotak 1 atau 2 di bawah, **jika berkenaan.**

1. **Borang FR Y-7 ada pada fail.** Bank Asing telah memfailkan dengan Lembaga Rizab Persekutuan Borang FR Y-7 semasa dan telah menyatakan maklumat pemilikannya bagi Item 4 Borang FR Y-7.
2. **Saham Bank Asing diniagakan secara awam.** Diniagakan secara awam bermaksud saham diniagakan di bursa atau pasaran atas kaunter yang teratur yang dikawal selia oleh pihak berkuasa sekuriti asing sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 3 (a) (50) Akta Bursa Sekuriti 1934 (15 U.S.C. 78C(a)(50)).

Jika **kedua-dua** kotak 1 atau 2 Bahagian E tidak ditandakan, lengkapkan Item 3 di bawah, **jika berkenaan.**

3. Bank Asing tidak ada **pemilik** kecuali yang disenaraikan di bawah. Bagi tujuan Pensijilan ini, **pemilik** bermaksud mana-mana orang yang, secara langsung atau tidak langsung, (a) mempunyai, mengawal, atau mempunyai kuasa untuk mengundi 25 peratus atau lebih daripada mana-mana kelas sekuriti mengundi atau kepentingan mengundi lain Bank Asing; atau (b) mengawal dalam apa-apa cara berhubung pemilihan majoriti pengarah (atau individu yang menjalankan fungsi yang serupa) Bank Asing. Bagi tujuan Pensijilan ini, (i) **orang** bermaksud mana-mana individu, bank, perbadanan, perkongsian, syarikat liabiliti terhad atau mana-mana entiti lain yang sah; (ii) **sekuriti mengundi atau kepentingan mengundi lain** bermaksud sekuriti atau kepentingan lain yang memberikan hak kepada pemegangnya untuk mengundi atau memilih pengarah (atau individu yang menjalankan fungsi yang serupa); dan (iii) anggota keluarga yang sama² hendaklah dianggap sebagai satu **orang**.

Nama	Alamat

² Keluarga yang sama bermaksud ibu bapa, suami isteri, anak, adik-beradik, bapa saudara, ibu saudara, datuk dan nenek, cucu, sepupu, anak tiri, adik-beradik tiri, ibu bapa mertua dan pasangan mana-mana yang disebutkan. Dalam menentukan kepentingan pemilikan dalam keluarga yang sama, mana-mana kepentingan undian mana-mana ahli keluarga akan diambil kira.

F. Agen Proses: lengkapkan yang berikut.

Individu atau entiti berikut: CT Corporation System

merupakan residen Amerika Syarikat di alamat berikut:

111 Eight Avenue, New York, New York 10011, dan

diberi kuasa untuk menerima perkhidmatan proses undang-undang bagi pihak Bank Asing daripada Setiausaha Perbendaharaan atau Peguam Negara Amerika Syarikat menurut Seksyen 5318(k) tajuk 31, Kod Amerika Syarikat .

G. Am

Bank Asing dengan ini bersetuju untuk memberitahu secara bertulis setiap Institusi Kewangan Dilindungi di mana bank mengekalkan mana-mana Akaun Koresponden tentang sebarang perubahan pada fakta atau keadaan yang dilaporkan dalam Pensijilan ini. Pemberitahuan hendaklah disampaikan dalam masa 30 hari kalendar selepas perubahan.

Bank Asing memahami bahawa setiap Institusi Kewangan Dilindungi di mana ia mengekalkan Akaun Koresponden boleh menyediakan salinan Pensijilan ini kepada Setiausaha Perbendaharaan dan Peguam Negara Amerika Syarikat. Bank Asing seterusnya memahami bahawa kenyataan yang terkandung dalam Pensijilan ini boleh dihantar kepada satu atau lebih jabatan atau agensi kerajaan Amerika Syarikat untuk tujuan memenuhi fungsi pentadbiran jabatan dan agensi tersebut.

Saya, Raja Shah Riman bin Raja Harun Al Rashid(nama penandatanganan), mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami Pensijilan ini, dan kenyataan yang dibuat dalam Pensijilan ini adalah lengkap dan betul, dan bahawa saya diberi kuasa untuk melaksanakan pensijilan ini bagi pihak Bank Asing.

Hong Leong Bank Berhad

[Nama Bank Asing]

(Sila rujuk pada dokumen dalam EN)

[Tandatangan]

Raja Shah Riman bin Raja Harun Al Rashid

[Nama Dicitak]

Ketua Pematuhan Kawal Selia

[Jawatan]

Dilaksanakan pada hari 28 bulan April, 2015.

Diterima dan disemak oleh:

Nama: _____

Jawatan: _____

Bagi pihak: _____

[Nama Institusi Kewangan Yang Dilindungi]

Tarikh:

[67 FR 60573, Sept. 26, 2002]

ALAMAT SYARIKAT	NEGARA	PIHAK BERKUASA PERBANKAN TEMPATAN
Hong Leong Bank Berhad Level 3, Wisma Hong Leong, 18 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia	Malaysia	Bank Negara Malaysia
CAWANGAN – CAWANGAN LUAR NEGARA		
HL Bank 20 Collyer Quay Unit #01-02 & 02-02, Tung Centre, Singapore 049319	Singapura	Penguasa Kewangan Singapura
Hong Leong Bank Berhad 50th Floor, The Center 99 Queen's Road Central Hong Kong	Hong Kong	Penguasa Kewangan Hong Kong
SUBSIDIARI		
Hong Leong Islamic Bank Berhad Level 1, Wisma Hong Leong, 18 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia	Malaysia	Bank Negara Malaysia
Hong Leong Bank Vietnam Limited Group Floor, Centec Building, 72-74 Nguyen Thi Minh Khai Street, District 3, Ho Chi Minh City, Vietnam	Vietnam	Bank Negara Vietnam
Hong Leong Bank Cambodia Plc No.28, Samdech Pan Avenue (St.214) corner St. Pasteur (51) Sangkat Boeung Raing, Khan Daun Penh, Phnom Penh Cambodia	Cambodia	Bank Negara Cambodia